

Malaysia sokong pendirian tiga negara halang AS serang Iraq

UM 12 FEB 2003

KUALA LUMPUR 11 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia menyokong tindakan Perancis, Jerman dan Belgium menghalang rancangan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) merestui serangan Amerika Syarikat (AS) terhadap Iraq.

Perdana Menteri berkata, ketiga-tiga negara itu jelas tidak mahu melancarkan perang terhadap Iraq sebaliknya mahu mencari penyelesaian lain untuk menamatkan krisis itu.

“Adalah jelas pendirian mereka bukannya melancarkan perang dan mencari penyelesaian lain untuk menyelesaikan masalah dengan Iraq.

“Kita sokong pendirian itu,” tegas Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan pembangunan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di Hotel Mandarin Oriental di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas tindakan Perancis, Jerman dan Belgium semalam yang

mencetuskan kemarahan AS menerusi tindakan mereka menghalang rancangan NATO meningkatkan pertahanan Turki jika perang dilancarkan ke atas Iraq.

Tindakan yang memalukan AS itu dibuat ketika Jerman selaku pengerusi Majlis Keselamatan NATO, menyatakan tidak wujud sebarang alasan untuk menimbangkan resolusi kedua bagi membenarkan tindakan ketenteraan terhadap Iraq.

Perancis, Jerman dan Belgium berhujah bahawa tindakan mempertahankan Turki boleh dilihat sebagai membenarkan tindakan ketenteraan ke atas Iraq sebelum usaha-usaha diplomatik berakhir.

Jerman dan Perancis kini mengetuai tentangan Eropah terhadap rancangan Washington untuk menggunakan tindakan ketenteraan bagi menghapuskan senjata pemusnah besar-besaran di Iraq.

Sebaliknya, kedua-dua negara itu mahu lebih banyak anggota pemeriksa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

(PBB) dihantar ke Iraq dan askar-askar pengaman PBB dikerah ke negara tersebut.

Bantahan kedua-dua negara itu bersama Belgium menonjolkan perpecahan yang ketara di seluruh dunia berhubung rancangan untuk menyerang Iraq berikutan dakwaan AS bahawa Baghdad mempunyai senjata pemusnah besar-besaran.

Turki yang bersempadan dengan Iraq dan merupakan satu-satunya negara Islam yang menganggotai NATO mungkin menjadi satu daripada pangkalan untuk melancarkan serangan terhadap Iraq.

Pendirian Malaysia terhadap krisis yang ditimbulkan oleh AS itu adalah jelas iaitu menentang sebarang tindakan ketenteraan unilateral terhadap Iraq dan menggalakkan proses rundingan bagi mencari penyelesaian.

AS dan sekutunya, Britain, yang menuduh Iraq memiliki senjata pemusnah diramalkan akan meneruskan rancangan menyerang Iraq walaupun tanpa persetujuan PBB.